



April  
2016

# Undang-undang baru yang berkenaan dengan pengimport kayu, pulpa dan barang kertas

LEMBARAN FAKTA 1.1



## Undang-undang baru dan tanggungjawab baru

Australia mengadakan undang-undang untuk mencegah pembalakan haram dan menyokong perdagangan antarabangsa balak dan hasil kayu-kayan yang diambil secara sah.

Jika anda mengimport kayu, pulpa atau barang kertas ke Australia, undang-undang ini berkenaan dengan anda. Anda kini ada tanggungjawab baru dan anda perlu mengetahui kewajipan anda.

Apabila anda mematuhi undang-undang ini, anda sebenarnya mengambil peranan memerangi perdagangan kayu yang dibalak secara haram yang sangat membinaaskan itu, sambil menyokong pelaburan tempatan, keuntungan dan pekerjaan.

## Apa yang perlu anda lakukan

Undang-undang baru ini akan mempengaruhi perniagaan anda dengan dua cara:

- Kini menjadi suatu kesalahan jenayah jika anda secara sengaja, tahu atau cuai, mengimport ke Australia kayu, pulpa atau barang kertas yang dibuat dengan balak yang diambil secara haram. Anda tidak sepautunya mengimport produk itu jika anda percaya bahawa kayu, pulpa atau kertas tersebut mungkin mengandungi kayu yang diambil secara haram.
- Jika anda mengimport ‘produk kayu yang dikawal atur’ ke Australia, anda perlu mengurangkan risiko bahawa kayu, pulpa atau kertas yang terkandung di dalam produk tersebut telah diambil secara haram dengan melakukan proses penyelidikan latar belakang.

Produk kayu yang dikawal atur merangkumi kebanyakan kayu dan produk kayu-kayan, seperti papan gergaji, pulpa, kertas, venir, kumai, panel kayu, lantai, papan gentian yang sederhana padat, papan zarah, papan lapis dan perabot.


## Tanggungjawab anda untuk menyelidik sama ada produk ini telah diambil secara sah

Untuk menyelidik latar belakang, anda perlu:

- menyediakan sistem berdokumen yang menghuraikan cara memenuhi syarat menyelidik sama ada produk ini telah diambil secara sah
- mengutip maklumat tentang produk kayu yang dikawal atur yang hendak anda import itu
- menilai risiko bahawa kayu yang digunakan pada produk ini telah diambil secara haram
- jika perlu, mengambil langkah-langkah tambahan yang sewajarnya untuk mengurangkan risiko yang ada
- menyimpan rekod bertulis tentang langkah-langkah yang telah anda ambil.

## Perkara-perkara penting

- Jika anda mengimport kayu atau produk kayu-kayan ke Australia, undang-undang pembalakan haram yang baru ini berkenaan dengan anda.
- Pembalakan haram ialah pengambilan balak dengan cara yang melanggar undang-undang negara di tempat balak itu diambil. Ini merangkumi kayu yang diambil secara haram di Australia ataupun di luar negeri.
- Apabila anda mematuhi undang-undang ini, anda sebenarnya mengambil peranan menggalakkan perdagangan kayu yang telah dibalak secara sah.
- Produk kayu yang dikawal atur merangkumi kebanyakan kayu dan produk kayu-kayan, seperti papan gergaji, pulpa, kertas, venir, kumai, panel kayu, lantai, papan gentian yang sederhana padat, papan zarah, papan lapis dan perabot.
- Jika anda mengimport ‘produk kayu yang dikawal atur’ ke Australia, anda perlu mengurangkan risiko bahawa kayu, pulpa atau kertas yang terkandung di dalam produk tersebut telah diambil secara haram dengan melakukan proses penyelidikan latar belakang.
- Pelbagai maklumat disediakan pada laman web kami, iaitu di [agriculture.gov.au/illegallogging](http://agriculture.gov.au/illegallogging). Anda juga boleh memohon bantuan secara e-mel melalui alamat [illegallogging@agriculture.gov.au](mailto:illegallogging@agriculture.gov.au) ataupun melalui talian telefon 1800 657 313.



#### Ikuti perkembangannya

- Laman web kami tentang pembalakan haram menyediakan pelbagai maklumat dan panduan: [agriculture.gov.au/illegallogging](http://agriculture.gov.au/illegallogging)
- Untuk mengetahui selanjutnya mengenai keperluan melakukan penyelidikan latar belakang, lihat *Lembaran Fakta 2.1 – Penyelidikan Latar Belakang – Panduan Untuk Pengimport*
- Langgan E-Update untuk mengikuti berita dan perkembangan dengan cara melawat [agriculture.gov.au/forestry/policies/illegal-logging/e-updates](http://agriculture.gov.au/forestry/policies/illegal-logging/e-updates)
- Jika anda ingin bertanya tentang undang-undang atau tentang tanggungjawab anda, kirimkan e-mel ke [illegallogging@agriculture.gov.au](mailto:illegallogging@agriculture.gov.au) atau telefon 1800 657 313.

Anda boleh membuktikan bahawa anda telah melakukan penyelidikan dengan beberapa cara. Anda mungkin dapat mengikuti amalan komersial yang ada sekarang (contohnya invois atau kontrak pembelian) untuk menolong anda menilai sama ada sesuatu produk itu mungkin berisiko.

Penyelidikan latar belakang hanya perlu dilakukan jika nilai kastam produk yang dikawal atur di dalam sesuatu konsainan itu melebihi AUD\$1,000.

#### Perisyntiharhan Import

Apabila anda mengimport produk kayu yang dikawal atur ke Australia, anda perlu membuat perisyntiharhan (biasanya melalui broker kastam anda) kepada Kerajaan Australia. Ini mengesahkan bahawa anda telah menunaikan kewajipan anda untuk melakukan penyelidikan latar belakang.

#### Membantu anda patuh

Jabatan Pertanian Dan Sumber Air bertanggungjawab memastikan bahawa pengimport mematuhi undang-undang. Laman web kami tentang pembalakan haram menyediakan pelbagai maklumat yang berguna dan juga panduan untuk membantu anda memahami kewajipan anda: [agriculture.gov.au/illegallogging](http://agriculture.gov.au/illegallogging).

Kami berusaha seiring dengan syarikat-syarikat yang dikawal atur untuk menilai kepatuhan mereka kepada undang-undang. Melalui proses penilaian ini, kami akan memberikan maklum balas supaya syarikat-syarikat dapat menambah balik proses penyelidikan latar belakang yang dilakukan.

Kami faham bahawa anda memerlukan masa untuk menyesuaikan diri dengan tanggungjawab anda yang baru ini. Pada peringkat awal ini, kami tidak akan menghukum anda jika penyelidikan latar belakang yang anda lakukan itu didapati tidak patuh. Maklumat selanjutnya tentang ‘pelaksanaan secara longgar’ ini boleh didapati di: [agriculture.gov.au/forestry/policies/illegal-logging/compliance](http://agriculture.gov.au/forestry/policies/illegal-logging/compliance).

